

Headline **Zimbabwe belajar amalan terbaik ICT**  
Date **22 Jun 2011**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Ekonomi**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **32**  
Article Size **63 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **1,784**  
PRValue **5,353**



## Zimbabwe belajar amalan terbaik ICT

**Z**IMBABWE akan menghantar pasukan teknikal ke Malaysia tidak lama lagi untuk belajar mengenai amalan terbaik dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kata Timbalan Perdana Menteri, Arthur G Mutambara.

Beliau berkata, pasukan teknikal itu akan tinggal di negara ini selama sebulan untuk memahami model perniagaan ICT dan impaknya kepada pertumbuhan ekonomi.

"Kami mahu mereka kembali ke tanah air dan mendo-kumenkan rancangan untuk melaksanakan ICT bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi," katanya kepada BERNAMA selepas melawat MIMOS Bhd.

MIMOS ialah pertubuhan penyelidikan dan pembangunan yang berfungsi sebagai penasihat kepada kerajaan Malaysia mengenai teknologi, dasar dan strategi berkaitan ICT.

"Kami kini belajar bagaimana menggunakan sains dan teknologi bagi melonjakkan Zimbabwe ke ekonomi maklumat dan pengetahuan, terutama dalam pertanian, perlombongan dan pembuatan," kata Mutambara.